



Rohaizad menunjukkan antara mercun dan bunga api yang dirampas pada sidang media di Bagan Jermal, semalam. (Foto Danial Saad/BH)

nyebabkan kecederaan serius, kebakaran serta gangguan ketenteraman awam.

Beliau berkata, sepanjang tahun ini sehingga 24 Mac, dua kes kecederaan akibat bermain mercun dilaporkan membabitkan dua kanak-kanak di Kedah dan Kelantan.

Katanya, perbuatan bermain mercun jelas boleh mengakibatkan kecederaan parah seperti melecur, putus jari, buta serta kecacatan kekal, selain bunyi letupan mercun boleh mengganggu ketenteraman awam, terutama bagi bayi, warga emas dan pesakit.

“Selain kecederaan, letupan mercun juga boleh menyebabkan

kebakaran rumah, kenderaan serta kawasan belukar,” katanya.

7 kontena mercun dirampas

Di Butterworth, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang merampas tujuh kontena mercun dan bunga api tanpa permit bernilai lebih RM300,000 dalam serbuan di sebuah gudang dekat Kawasan Perindustrian Nagasari, Perai, di sini.

Serbuan pada 11 dan 12 Mac lalu yang dijalankan Unit Operasi, Bahagian Penguatkuasaan Pulau Pinang itu membabitkan 1,332 karton mercun dan bunga api pelbagai jenama.

Pengarah Kastam negeri, Ro-

haizad Ali, berkata siasatan mendapati kesemua mercun dan bunga api berkenaan tidak mematuhi spesifikasi dan garis panduan yang ditetapkan dalam permit import (AP) yang dikeluarkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

“Susulan itu, semua mercun dan bunga api bernilai RM360,767.50 dengan membabitkan cukai RM599,189.63 disita untuk tindakan lanjut.

“Kita turut menahan seorang lelaki berusia lingkungan 60-an bagi membantu siasatan,” katanya pada sidang media di Stor Penguatkuasaan JKDM negeri di Bagan Jermal, di sini semalam.